

# PM: China tidak akan jadi kuasa penjajah

UM 2 2 MAY 2002

Daripada AHMAD ABDUL HAMID

**T**OKYO 21 Mei - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan China tidak akan bertukar menjadi kuasa penjajah kerana berdasarkan sejarah, negara itu tidak pernah menjajah negara lain.

Menurutnya, kemunculan China sebagai kuasa ekonomi akan memberikan pengaruh yang besar dalam hal ehwal dunia dan keadaan ini menimbulkan kebimbangan bahawa negara itu akan meluaskan kuasanya termasuk ke Asia Tenggara.

Bagaimanapun Perdana Menteri percaya China tidak akan mengubah caranya dan menjadi kuasa penjajah, sekalipun penaklukan China ke atas Tibet sering dijadikan contoh.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menyampaikan ucapan bertajuk *China - Satu Cabaran atau Peluang* pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke-8 di sini hari ini.

Menurut beliau, keadaan ini berbeza dengan negara-negara Eropah yang menjajah negara-negara Asia sekalipun jaraknya begitu jauh.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, persaingan yang melibatkan China

pada masa depan adalah dalam bidang ekonomi dan ia adalah antara China dan negara-negara maju yang lain.

Beliau menegaskan, daripada segi sejarahnya China tidak pernah menjadi ancaman kepada Asia Tenggara dan pendatang dari China yang bermastautin di Asia Tenggara menerima bahasa dan kebudayaan tempatan.

Katanya, mereka ini sekalipun kekal sebagai orang keturunan Cina, lama kelamaan mereka putus hubungan dengan sanak saudara dan suku di negara China.

"China tidak pernah berkelakuan sebagai kuasa metropolitan atau cuba menjajah Asia Tenggara," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, hari ini terdapat ramai keturunan Cina sebagai minoriti di negara-negara Asia Tenggara dan mereka mampu menguasai ekonomi di negara-negara berkenaan.

Perdana Menteri berkata, mereka ini menjadi rakyat yang setia sekalipun ada segelintir di kalangan mereka cuba menjadikan negara-negara tersebut sebagai 'sambungan' kepada China dengan menuntut dipisahkan daripada kaum pribumi, mempunyai sistem pendidikan Cina, sekolah-sekolah Cina yang berasingan dan mengekalkan apa

juga yang ada hubung kait dengan China.

Bagaimanapun menurut beliau, jumlah mereka adalah sedikit dan tidak mendapat sokongan majoriti rakyat keturunan Cina yang ingin hidup dalam aman dengan rakyat pribumi serta menjalankan perniagaan dan mengaut kekayaan.

Perdana Menteri percaya rakyat keturunan Cina di Asia Tenggara tidak berhasrat memberi sumbangan kepada sebarang cita-cita perluasan kawasan oleh China.

Sebaliknya kata beliau, mereka bukan sahaja rakyat yang setia tetapi juga sebagai penghubung bagi kerjasama ekonomi antara China dan Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata, hari ini hubungan antara China dan negara-negara Asia Tenggara adalah baik sekalipun wujud pertelingkahan melibatkan pulau-pulau di Laut China Selatan yang berkemungkinan mengandungi gas dan minyak.

Namun katanya, konfrantasi serius berhubung pertelingkahan ini berjaya dielakkan.

Menurut Dr. Mahathir, China telah memberi jaminan kepada Asia Tenggara pertelingkahan melibatkan Kepu-

luan Spratlys akan diselesaikan melalui rundingan.

Mengenai pertahanan beliau berkata, terdapat perbezaan polisi di kalangan negara-negara Asia Tenggara dengan sebahagiannya mahu mendapatkan perlindungan Amerika Syarikat sementara yang lain lebih suka kepada keadaan yang tidak berkonfrantasi.

Katanya, Malaysia percaya jika China dianggap seperti musuh pada masa depan, ia akan menganggap Asia Tenggara sebagai musuh dan menyiapkan diri dengan kelengkapan ketenteraan.

Beliau berkata, polisi untuk cuba membendung China mungkin akan menyebabkan China meningkatkan keupayaan ketenteraan dalam usaha menandingi mereka yang berpotensi menjadi musuh.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa sejarah telah mengajar apabila keupayaan tentera kuat, terdapat keinginan untuk menguji kekuatan tersebut.

Bagaimanapun katanya, Asia Tenggara percaya China tidak akan melibatkan diri dalam tindakan ketenteraan dan kerana itu tidak perlu bimbang dengan kekuatan tentera China. —  
*Utusan*